

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

**TARIKH : 16 JULAI 2020**

**SOALAN**

**TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan rancangan membuka kedutaan Malaysia untuk Palestin di Amman, Jordan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia telah membuat pengumuman berhubung dengan keputusan kita untuk menubuhkan Kedutaan Besar Malaysia ke Palestin yang akan bermastautin di Amman, Jordan semasa Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali Ke-18 di Baku, Azerbaijan pada 26 Oktober 2019. Keputusan ini juga telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 31 Oktober 2019 di mana Dewan ini telah memberi sokongan secara sebulat suara.

3. Keputusan ini telah disambut baik oleh pelbagai pihak, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga dikalangan negara-negara luar, termasuk Palestin sendiri. Keputusan Malaysia ini merupakan satu pendekatan

yang inovatif dan belum pernah dilaksanakan oleh mana-mana negara lain, termasuk negara-negara yang menyokong perjuangan rakyat Palestin.

4. Bagi merealisasikan keputusan ini, Kementerian Luar Negeri telah mengadakan beberapa sesi rundingan dengan Kementerian Luar Negeri dan Ekspatriat Jordan di Amman untuk mengenalpasti dan menetapkan proses-proses yang perlu dilaksanakan.

5. Dalam konteks rundingan ini, Malaysia menghormati pendirian Kementerian Luar Negeri dan Ekspatriat Jordan. Sebagai langkah awal bagi pelaksanaan inisiatif ini, Malaysia bersedia menerima cadangan supaya kita menubuhkan satu unit khusus hal ehwal Palestin yang akan ditempatkan di Kedutaan Besar Malaysia di Amman, Jordan.

6. Pada masa ini, Kementerian Luar Negeri sedang di dalam proses penubuhan unit khusus ini termasuk perihal perjawatan pegawai diplomatik dan kakitangan sokongan serta peruntukan perbelanjaan khusus untuk unit ini. Proses ini, yang sepatutnya telah dilaksanakan sebelum ini, terpaksa ditunda berikutan penularan wabak COVID-19. Kementerian Luar Negeri akan meneruskan usaha ini apabila keadaan mengizinkan.

7. Situasi pandemik COVID-19 juga telah membantutkan usaha kita untuk melaksanakan perlantikan Konsul-Konsul Kehormat di Tebing Barat dan Gaza. Jawatan kedua-dua Konsul Kehormat ini adalah untuk melengkapi objektif dan fungsi penubuhan unit Palestin di Kedutaan Besar Malaysia di Amman, Jordan.

8. Seperti yang diketahui umum, Kerajaan kekal komited dengan usaha-usaha untuk menzahirkan sokongan kuat Malaysia kepada Palestin. Justeru, penubuhan unit Palestin di bawah naungan Kedutaan Besar Malaysia di Amman, Jordan boleh dilihat sebagai salah satu langkah daripada Kerajaan untuk terus menyokong perjuangan Palestin.

Sekian, terima kasih.